

## LAMPIRAN KETERANGAN PRODUK

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

Prudential BSN Takaful Berhad  
PruBSN Aman  
Oktober 2020

(Sila baca Lampiran Keterangan Produk ini sebelum anda buat keputusan untuk mengambil PruBSN Aman. Sila pastikan juga anda baca terma-terma dan syarat-syarat umum.)

### 1. Apakah produk ini?

Ini adalah pelan takaful keluarga yang boleh diperbaharui setiap tahun yang memberi perlindungan terhadap kematian sehingga umur 70 tahun pada hari lahir yang akan datang, tertakluk kepada pembaharuan pelan. Manfaat akan dibayar apabila berlaku kematian sementara sijil masih berkuatkuasa. Kos tuntutan dikongsi sama rata antara peserta-peserta. Pembayaran tuntutan akan ditolak setiap bulan, jika ada, dari Akaun Bersama anda berdasarkan jumlah tuntutan yang dibayar dalam tempoh tersebut berdasarkan konsep *Ta'awun*. PruBSN Aman adalah suatu produk patuh Shariah.

### 2. Apakah konsep Shariah yang berkenaan?

- *Ta'awun*:

Persetujuan untuk saling membantu berdasarkan prinsip pertolongan bersama. Takaful adalah berdasarkan konsep *Ta'awun* seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang bermaksud "suatu persetujuan yang berdasarkan kepada pertolongan bersama di mana peserta-peserta takaful bersetuju untuk menyumbang ke dalam suatu dana yang akan memberi manfaat kewangan yang akan dibayar kepada peserta-peserta takaful atau kepada waris mereka sekiranya berlaku perkara-perkara yang telah dipersetujui terlebih dahulu." Merujuk kepada perkara di atas, Sumbangan Pendahuluan yang anda buat akan digunakan untuk berkongsi kos tuntutan bersama-sama dengan peserta lain untuk menyediakan manfaat kewangan bersama yang perlu dibayar kepada beneficiari takaful yang layak sekiranya berlaku perkara-perkara yang telah dipersetujui terlebih dahulu berdasarkan manfaat takaful yang dipersetujui di bawah pelan ini.

- *Wakalah bi al-ujrah*:

Persetujuan di mana PruBSN dilantik untuk menguruskan perkhidmatan keseluruhan yang disediakan di bawah pelan ini. Sebagai bayaran untuk perkhidmatan ini, PruBSN akan mengambil sebahagian daripada sumbangan sebagai Caj *Wakalah*.

### 3. Apakah perlindungan/manfaat-manfaat yang ditawarkan?

Suatu amaun sekaligus akan dibayar sekiranya peserta meninggal dunia:

- Manfaat Kematian - RM 7,000; di mana akan dibayar kepada penama; dan
- Manfaat *Khairat* - RM 3,000; di mana akan dibayar kepada Pengurus Perkhidmatan Pengebumian sekiranya waris anda mengambil pilihan untuk menggunakan perkhidmatan pengurusan pengebumian. Sekiranya perkhidmatan pengurusan pengebumian tidak digunakan, Manfaat *Khairat* akan dibayar kepada penama anda; dan
- Baki amaun dalam Akaun Bersama anda (jika ada); di mana akan dibayar kepada penama.

Tempoh pelan: sehingga peserta mencapai umur 70 tahun pada hari jadi akan datang, tertakluk kepada pembaharuan pelan atau sehingga kematian (mana-mana yang berlaku dahulu).

### 4. Berapakah sumbangan yang harus saya bayar?

- Semasa permohonan, anda hanya perlu menyumbang sebanyak RM120, di mana akan diiktiraf sebagai Sumbangan Pendahuluan. Dari jumlah ini, RM30 akan diambil oleh kami sebagai Yuran *Wakalah* Pendahuluan untuk menguruskan pelan ini. Baki sebanyak RM90 akan dikreditkan ke dalam Akaun Bersama anda.
- Potongan dari Akaun Bersama anda akan berlaku apabila terdapat tuntutan di antara para peserta dan semasa pembaharuan.
- Jumlah pemotongan akan dikenakan maksimum sebanyak RM20\* untuk setiap bulan. Sekiranya bahagian sebanyak RM20\* oleh setiap peserta tidak mencukupi untuk menampung pembayaran tuntutan, kekurangan tersebut akan dibawa ke bulan berikutnya.
- Kami akan menolak Yuran *Wakalah* Tahunan sebanyak RM15\* dari Akaun Bersama anda pada setiap ulang tahun sijil.
- Apabila baki dalam Akaun Bersama anda di bawah RM40, anda akan diminta untuk membuat Sumbangan Pendahuluan Tambahan sebanyak RM60.
- Sumbangan Pendahuluan Tambahan anda akan dilakukan secara automatik melalui aplikasi dengan menggunakan Kad Debit atau Kad Kredit anda. Anda hanya perlu memastikan bahawa Kad Debit atau Kad Kredit anda tetap sah untuk pemotongan automatik berlaku.
- Adalah penting bagi anda untuk menyimpan sebarang Penyata Kad Debit atau Kredit atau Penyata Bank anda sebagai bukti pembayaran sumbangan bagi rujukan masa hadapan.

\*Tertakluk kepada perubahan dan kami akan memberikan anda notis 90 hari sebelum perubahan tersebut.

### 5. Apakah yuran dan caj-caj yang harus saya bayar?

Jenis	Amaun
Yuran <i>Wakalah</i> Pendahuluan	RM30 semasa permohonan
Yuran <i>Wakalah</i> Tahunan	RM15 semasa pembaharuan
Yuran <i>Wakalah</i> Tuntutan	Sehingga 4% daripada tuntutan dibayar pada setiap bulan

Nota: Kami boleh mengubah caj-caj dengan memberikan anda notis sembilan puluh (90) hari.

**6. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?**

- Kepentingan pendedahan:
  - Kewajipan untuk membuat pendedahan sebelum menyertai kontrak – Anda mesti mendedahkan semua fakta penting termasuk, tetapi tidak terhad kepada, keadaan kesihatan dan anda mesti menyatakan umur anda dengan betul. Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan semua maklumat yang relevan yang anda tahu atau sepatutnya tahu sebaik pengetahuan anda dan atas niat baik. Jika anda gagal untuk berbuat demikian, kami boleh menamatkan sijil anda.
  - Kewajipan umum untuk membuat pendedahan akan sentiasa berterusan dan akan memerlukan anda untuk memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan ke atas maklumat yang telah didedahkan atau sebarang maklumat baru yang relevan dengan sijil.
- Tempoh rujukan percuma – Anda boleh keluar daripada pelan ini dalam tempoh 15 hari dari Tarikh Permulaan Perlindungan Sijil. Begitu juga, kami boleh membatalkan sijil anda dalam tempoh 15 hari dari Tarikh Permulaan Perlindungan Sijil. Kami akan mengembalikan sumbangan yang telah anda bayar.
- Sijil luput / tempoh penangguhan – Sekiranya anda gagal membayar Sumbangan Pendahuluan Tambahan dalam tempoh penangguhan di mana sehingga hari pertama bulan kalender yang berikutnya selepas pemberitahuan, sijil anda akan tamat dan tidak lagi berkuatkuasa. Penguatkuasaan semula adalah tidak dibenarkan untuk sijil yang telah luput.
- Penamaan – Anda dinasihatkan supaya menamakan penama untuk sijil takaful bagi memastikan penyelesaian tuntutan yang lancar. Anda juga harus memastikan bawahan penama mengetahui tentang sijil yang telah anda ambil.
- Tuntutan – Sila rujuk kepada dokumen sijil untuk memahami dengan lebih lanjut mengenai prosedur tuntutan.
- Tempoh Menunggu – Perlindungan untuk Manfaat Kematian disebabkan oleh kematian secara semulajadi hanya akan bermula tiga puluh (30) hari selepas Tarikh Permulaan Perlindungan Sijil.
- Pembaharuan – Sijil ini akan diperbaharui secara automatik pada setiap Tarikh Pembaharuan Sijil sehingga anda mencapai umur tujuh puluh (70) tahun pada hari jadi akan datang. Walau bagaimanapun, anda boleh menarik diri daripada penyertaan dari pelan ini pada bila-bila masa yang anda kehendaki. Kami boleh menamatkan pelan ini dengan memberikan anda notis sembilan puluh (90) hari. Dengan berbuat demikian, kami akan berhenti memperbaharui sebarang sijil yang perlu diperbaharui pada Tarikh Pembaharuan Sijil dan berhenti menerima apa-apa sijil baru. Kami akan mengembalikan kepada anda baki dalam Akaun Bersama anda ditolak Potongan Perkongsian Bulanan pada bulan tersebut (jika ada).

*Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen sijil untuk senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat di bawah sijil ini.*

**7. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah sijil ini?**

Kami tidak akan membayar Manfaat Kematian sekiranya kematian adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh bunuh diri, sama ada semasa waras atau tidak waras.

*Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen sijil untuk senarai penuh pengecualian-pengecualian di bawah sijil ini.*

**8. Bolehkah saya menarik diri daripada penyertaan?**

Anda boleh menarik diri daripada penyertaan pada bila-bila masa yang anda kehendaki. Walau bagaimanapun, jika anda memilih untuk menarik diri daripada penyertaan selepas tempoh rujukan percuma, kami akan terus memberikan perlindungan kepada anda sehingga hari pertama bulan kalender yang berikutnya selepas pemberitahuan dan kami akan mengembalikan kepada anda baki dalam Akaun Bersama anda ditolak Potongan Perkongsian Bulanan pada bulan tersebut (jika ada).

**9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat sebarang perubahan pada butir-butir perhubungan saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami mengenai sebarang perubahan pada butir-butir perhubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

**10. Di manakah boleh saya memperolehi maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai takaful keluarga, sila rujuk kepada risalah *insuranceinfo* mengenai 'Takaful Keluarga', yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan salinan daripada wakil PruBSN atau melayari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Prudential BSN Takaful Berhad (740651-H)**

Aras 13, Menara Prudential,  
Persiaran TRX Barat,  
55188 Tun Razak Exchange,  
Kuala Lumpur.

Tel : **03 2053 7188**

E-mel : [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my)

Anda juga boleh melayari laman web kami di [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my)

Prudential BSN Takaful Berhad adalah Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

**11. Lain-lain perlindungan takaful keluarga yang ditawarkan:**

Sila hubungi PrubSN untuk mengetahui mengenai jenis-jenis perlindungan takaful lain yang ditawarkan.

**NOTA PENTING:**

**ANDA MESTILAH BERPUAS HATI BAHAWA SIJIL INI SESUAI UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN DIRI ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL ANDA DAN HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang tertera di dalam lampiran keterangan ini adalah sah pada Oktober 2020.

Disediakan oleh: Prudential BSN Takaful Berhad

Tarikh: Oktober 2020

Versi: PrubSN Aman v1.0